

Rumpai laut jana RM1.4b

» *Tiga program mini estet kendalian UMS bantu nelayan tingkat teknologi*

Oleh Amin Ridzuan Ishak

aminridzuan@bharian.com.my

BH 04.11.2012 4

► Semporna

Industri pengeluaran rumpai laut yang diusahakan di Pantai Timur Sabah dan Langkawi dijangka menyumbang RM1.4 bilion kepada pendapatan negara menjelang 2020.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata ia berdasarkan

anggaran pengeluaran rumpai laut negara yang dijangka mencapai 900,000 tan beberapa tahun akan datang, susulan peningkatan tinggi dijana aktiviti hilir seperti pembuatan produk kecantikan.

Program mini estet

Bagi menjayakan hasrat itu, kerajaan merangka tiga program iaitu mini estet yang dikendalikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) membabitkan peruntukan RM46 juta dan pelaksanaan program kluster untuk membantu nelayan meningkatkan penggunaan teknologi dengan dana RM8.3 juta.

“Kita juga melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) menerusi beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) iaitu UMS, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia

(UKM) dengan peruntukan RM17 juta.

“Ia bukan saja untuk meningkatkan nilainya tetapi menghasilkan produk huluhan. Dengan adanya nilai rantaian, kita dapat meningkatkan pengeluaran kepada 900,000 tan bernilai RM1.4 bilion menjelang 2020,” katanya selepas melancarkan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)-EPP3: Projek Kluster Rumpai Laut Sabah dan Mini MAHA, semalam.

Hadir sama, Menteri Kemanjangan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang juga Ahli Parlimen Semporna dan Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli.

Noh berkata, pelaksanaan program kluster dan penyelidikan itu bakal memberikan faedah kepada petani rumpai laut yang kini berkembang di

Langkawi selain di Sabah khususnya Semporna yang turut memberi manfaat kepada kegiatan ekonomi daerah berhampiran seperti Tawau dan Lahad Datu.

Pengeluar utama

Sementara itu, katanya, Semporna diisyiharkan pengeluar rumpai laut utama negara yang mampu meningkatkan taraf hidup rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah.

Katanya, daerah ini mempunyai sumber rumpai laut yang banyak dan kerajaan meletakkannya sebagai satu daripada bidang NKEA.

Bagi memastikan ia mampu memberi impak yang tinggi, kementerian tidak menggalakkan nelayan atau peserta menggunakan kaedah tradisional, sebaliknya teknologi moden.